

SULIT

1103/2

1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2010
2½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2010

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

1103/2

[Lihat sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah pencegahan wabak H1N1 di negara kita dan punca-punca penularan H1N1. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Rakyat negara kita telah digemparkan dengan sejenis wabak yang dikenali sebagai Demam Influenza A atau ringkasnya wabak H1N1. Peningkatan secara mendadak jumlah pesakit H1N1 telah mencemaskan pelbagai pihak. Tambahan pula, dengan sikap acuh tak acuh masyarakat telah menyumbang kepada peningkatan kes ini. Sehubungan dengan itu, Dr Abdul Rahman Mohd Ali Pakar Perubatan dari Pusat Perubatan Darul Ehsan (DEMC) telah menasihati orang ramai agar mengambil langkah pencegahan wabak H1N1 daripada menular iaitu dengan meminimumkan majlis-majlis perjumpaan dan menjarakkan kedudukan sekurang-kurangnya 1 meter dengan individu lain terutama mereka yang mempunyai gejala 'influenza-like-illness' (ILI). Hal ini kerana wabak tersebut mudah *menular dalam komuniti* apabila orang ramai duduk setempat dalam jarak yang dekat dan padat.

Dalam hal ini, orang ramai diminta menggunakan perlindungan tisu atau sapu tangan ketika batuk dan bersin. Selepas menyentuh mulut atau hidung sebelum menyentuh benda-benda lain mereka dikehendaki menggunakan air dan sabun atau cecair sanitizer untuk mencuci tangan sehingga bersih. Bagi kes-kes berkomplikasi atau berisiko tinggi, setiap pesakit H1N1 perlu mendapatkan rawatan di hospital dengan kadar segera untuk memastikan impak negatif penularan pandemik dapat diminimumkan. Manakala individu yang mengidap demam biasa serta tiada masalah kesihatan dikuarantin di rumah. Pesakit diminta berehat dan hanya ke hospital apabila demam bertambah berat atau tidak reda selepas dua hari.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia wanita yang berumur lebih 65 tahun dan kalangan perempuan yang sedang mengandung amat berisiko untuk dijangkiti oleh wabak H1N1 ini. Oleh itu, golongan ini dicadangkan mengelakkan diri pergi ke tempat yang sesak dengan orang ramai dan mereka mesti memakai topeng muka apabila berada di tempat-tempat awam. Begitu juga dengan golongan kanak-kanak yang berumur kurang lima tahun, mereka yang obesiti dan pesakit yang menghidapi penyakit kronik yang mudah dijangkiti selepas dan berkomplikasi perlu juga berbuat sedemikian. Bagi pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, majikan dikehendaki memantau kehadiran pekerjanya yang sakit manakala institusi-institusi pendidikan mengambil tindakan pencegahan kepada pelajar yang kerap tidak hadir dan ada tanda-tanda gejala ini.

Kesimpulannya, walaupun kadar kematian kes H1N1 ini masih rendah, masyarakat perlu diwar-warkan bahawa jumlah pesakit yang menghidap wabak H1N1 ini makin tinggi dan mudah berjangkit berbanding dengan penyakit-penyakit yang lain. Melalui maklumat yang disalurkan, hal ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pencegahan wabak tersebut.

(Dipetik dan diubah suai daripada
"Mencegah Penularan Wabak H1N1"
oleh Rabiatul Adawiyah Koh Abdullah
Dalam *Berita Harian*, 12 April 2010)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Pemahaman Umum

Berdasarkan petikan soalan 1, jawab soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memular dalam komuniti*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan golongan yang amat berisiko untuk dijangkiti wabak H1N1. Nyatakan **tiga** golongan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah peranan yang dapat anda lakukan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahayanya wabak H1N1 ini? Kemukakan **empat** peranan anda. [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- UMAR : *(Suaranya lembut, tapi masih tidak bergerak atau menyentuh Safiah)* Aku tahu ayahmu selalu menyebut soal di luar negeri. Mungkin maksudnya baik, tapi lebih baik lagi kalau kita mengisi tenaga yang kurang. Terlalu banyak mahasiswa Melayu yang jadi MCS. Jawatan ini bagus, asal sahaja kita dapat melaksanakannya untuk pembangunan masyarakat kita. Tapi jangan semua tenaga dicurahkan pada satu lapangan sahaja. Sebab itulah aku suka jadi guru, lapangan yang kurang diperhatikan oleh mahasiswa kita. *(Bermenung, sedikit kesal)* Kalaulah aku bagus dalam sains dulu...
- SAFIAH : *(Mengangkat mukanya, berkata tersedu-sedu)* Aku sayang padamu Mar! Masuklah sahaja, aku ikut kau. Piah ikut ke mana sahaja!
- UMAR : *(Menggenggam erat kedua-dua belah tangan Safiah, matanya bercahaya memandang kekasihnya)* Piah, percayalah, kau tak akan kecewa. Masa depan kita gemilang, bukan gelap sebagai sangkaanmu!
- IBU : *(Masuk)* Eh. Mar ayahnya dah habis sembahyang, mari makan! *(Umar dan Safiah tersentak, Umar melepaskan tangan Safiah. Safiah mengesat air mata dengan bajunya, cuba menyembunyikan mukanya dari ibu, tapi masih ketara)* Eh. Piah, kenapa menangis?
- UMAR : *(Berdiri)* Kami bertengkar sikit, mak cik.

(Dipetik daripada
Drama 'Serunai Malam'
oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan **dua** sebab Umar memilih kerjaya sebagai seorang guru. [2 markah]
- (ii) Sebagai murid, kemukakan **tiga** cara untuk membina masa depan yang cemerlang mengikut pendapat anda. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan drama tersebut dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan drama. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka dilihat oleh Laksamana Hang Jebat berkata-kata itu adalah alpanya. Maka Laksamana pun matanya tiada lepas mengerling hulu keris Hang Jebat juga; sungguhpun Laksamana berkata-kata itu, kaki tangannya sudah hadir menantikan Si Jebat cedera sedikit juga. Maka dengan takdir Allah Taala, maka Hang Jebat pun *meleng matanya memandang* kepada pintu istana itu melihat orang banyak mengintai dari kisi-kisi itu.

Maka Laksamana pun segera melompat maka disentakannya keris pada pinggang Hang Jebat itu, dapat ke tangan Laksamana. Maka Hang Jebat pun terkejut, dilihatnya Laksamana menyentak kerisnya itu. Maka Hang Jebat pun berbangkit, serta diusirnya akan Laksamana, katanya, "Hai Si Tuah, demi Allah, bunuhlah aku, kerana tiada berkeris!" Maka Laksamana pun undur sedikit, seraya katanya sambil tertawa, "Hai saudaraku, kerana keris ini kerisku dianugerahkan oleh Betara Majapahit; sebab itulah maka aku ambil pula daripadamu!" Maka sahut Hang Jebat, "Hai Laksamana, manatah katamu hulubalang besar lagi berani temama? Sekarang membunuh aku tiada bersenjata. Jika tiada mahu engkau membunuh aku tiada berkeris, pintalah aku keris yang lain supaya kita bertikam, supaya aku sangat mati dengan senjata, supaya masyhurlah namaku."

Dipetik daripada
'Pertarungan Tuah Dengan Jebat'
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *meleng matanya memandang*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** reaksi Hang Jebat setelah Laksamana merampas keris daripadanya. [3 markah]
- (iii) Laksamana dan Hang Jebat mahir dalam ilmu persilatan. Pada pendapat anda, kemukakan **tiga** manfaat kita mempelajari seni mempertahankan diri. [3 markah]

SULIT

5

1103/2

Soalan 2(d) – Pantun

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PANTUN ENAM KERAT

Ular tedung jangan dipermudah,
Bisanya dapat membawa maut,
Jika tak maut merana juga;
Berhujan berpanas aku tak endah,
Keris lembing aku tak takut,
Kehendak hati kuturut juga.

Kuda liar berkeliling kota,
Kota terbuat dari kayu,
Tempat berkawal lasykar Feringgi;
Kami mendengar khabar berita,
Bunga kembang sudah pun layu,
Gugur ke bumi tak harum lagi.

Penakik pisau raut,
Ambil galah sebatang lintabung,
Seludang dijadikan nyiru;
Setitik dijadikan laut,
Sekepal dijadikan gunung,
Alam terbentang dijadikan guru.

Sultan Muda dari Lampung,
Memikul cangkul dengan bajak,
Singgah minum di lepau nasi;
Sudah sekah tempat bergantung,
Telah patah tempat berpijak,
Kemana hendak digapai lagi.

Permatang Budi, 1991,
Antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud *keris lembing aku tak takut*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, nyatakan **tiga** kesan sekiranya kita dapat mengawal emosi dalam melakukan sesuatu tindakan. [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam pantun tersebut. [4 markah]

1103/2

[Lihat sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) gendang - gegendang
- (ii) rambut - rerambut
- (iii) jentik - jejentik

[6 markah]

- (b) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian tukar ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

Aktiviti sukan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosial. Para atlet dapat memupuk hubungan kaum tanpa mengira perbezaan agama dan budaya. Oleh itu, para pelajar perlu menggiatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang telah dirancang. Mereka akan menunjukkan semangat pertandingan yang sihat dan muhibah ketika bersukan. Sama ada menang atau kalah secara tidak langsung akan dapat melahirkan rakyat yang berwibawa. Ibu bapa perlu menyokong penglibatan anak-anak mereka dalam apa-apa juga aktiviti kokurikulum.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Pada zaman moden ini, rumah jenis kondomium menjadi pilihan tempat tinggal orang-orang berada kerana keselamatan mereka anak beranak lebih terjamin. Namun, ada segelintir masyarakat yang tidak mahu mendiamkan di situ dengan alasan tiada kawasan untuk beristirehat dengan tenang. Walau bagaimanapun, terpulang kepada setiap individu untuk memilih jenis rumah yang hendak dihuni kerana yang penting ialah memuaskan hati dan kebahagiaan keluarga.

[6 markah]

SULIT

7

1103/2

- (d) *Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*
- (i) Jabatan Perhutanan telah menjalankan rawatan dan penjagaan hutan untuk melestarikan bekalan balak sambil kehijauan bumi sentiasa terjamin.
 - (ii) Kegiatan menghantar rokok dari negara jiran ke negara ini bukan sahaja sukar dibendung tetapi kerajaan mengalami kerugian cukai import.
 - (iii) Murid-murid amat suka melepak di siber kafe pada waktu persekolahan tiada rasa bersalah walaupun pernah beberapa kali ditegur oleh pengetua.
- [6 markah]
- (e) *Tulis ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*
- (i) Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
 - (ii) Indah khabar daripada rupa
 - (iii) Tulang belakang
- [6 markah]

1103/2

lilhat sebelah

SULIT

8

1103/2

Soalan 4: Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussin
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji jelaskan **dua** peristiwa yang menunjukkan tindakan watak utama yang wajar diberi pujian. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, kemukakan **dua** peristiwa yang menunjukkan unsur suspen yang terdapat dalam setiap novel. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/2